

Henti bahas negara Islam — MBM

UM 8 OCT 2001

Oleh AMRAN AHMAD

KUALA LUMPUR 7 Okt. — Majlis Belia Malaysia (MBM) meminta semua pihak terutama parti-parti politik supaya berhenti berbahas dan menerima secara positif kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Perbahasan secara terbuka hanya akan menambahkan kekusaran orang bukan Islam dan memberi imej negatif mengenai Islam terutama selepas serangan di Amerika Syarikat September lalu.

Naib Presiden MBM, Norizan Sharif berkata, slogan tidak penting soal yang lebih mendasar iaitu apa inti pati negara Islam yang lebih mustahak.

“Yang lebih utama ialah kita mahu bangunkan sebuah negara Islam yang moden, dihormati dan terkhadapan,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad baru-baru ini telah secara terbuka mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Beliau membuat pengisytiharan tersebut selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Parti Gerakan ke-30 sebagai menyahut cabaran Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

Menurut Perdana Menteri, rakyat bukan Islam mempunyai hak untuk menganggap negara ini sebagai sebuah negara sekular tetapi parti peneraju kerajaan iaitu UMNO menganggap Malaysia sudah sebagai negara Islam.

Sementara itu, MBM kata Norizan, berpendapat Malaysia merupakan model negara Islam yang baik kerana rakyat pelbagai bangsa dan agama selesa dalam sebuah negara pimpinan orang Islam.

Rakyat Malaysia, katanya, perlulah lebih menumpukan kepada usaha mengatasi kelemahan dan kekurangan yang ada serta memperbaikinya.

“Tindakan memperlekehkan

sumbangan orang lain dan mahu dilihat seolah-olah hanya dia pejuang Islam bukan tindakan bijak,” katanya lagi.

Yang bijak, katanya, menerima baik kenyataan tersebut dan berusaha memperbaiki kelemahan dan menonjolkan Malaysia sebagai model negara Islam yang maju.

Norizan berkata, anjakan paradigma perlu dilakukan oleh semua parti politik dan meletakkan kepentingan agama, negara dan rakyat mengatasi politik sempit.

“MBM juga minta orang bukan Islam menerima kenyataan ini dengan baik kerana sejarah membuktikan wujudnya keadilan oleh pimpinan Islam,” ujarnya.

Katanya, di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, keadilan dan pembelaan sewajarnya kepada semua kaum tidak pernah diketepikan.

“Ini menunjukkan keadilan wujud dalam negara pimpinan orang Islam yang mengamalkan Islam dengan sebenarnya,” kata Norizan.